

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

KKM digesa selesai kemelut parallel pathway

Kuala Lumpur: Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) menyelesaikan kemelut 'parallel pathway' yang kini berlarutan dan semakin meruncing secara tuntas.

Timbalan Presidennya, Ahmad Thibri Mashri, berkata isu pengiktirafan program parallel pathway bagi pegawai perubatan melanjutkan pengajian ke peringkat pakar terus berlarutan sehingga mengheret Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke kancan perikaihan.

Beliau berkata, umum perlu tahu, UiTM terus terheret dalam isu yang berlanjutan itu bukanlah penyelesaian kepada kemelut parallel pathway khususnya buat graduan yang menjalankan program latihan ijazah lanjutan ke pakaran yang tidak diiktiraf Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

"Faktanya, sekiranya UiTM menerima kemasukan pegawai

perubatan termasuk bukan Bumiputera yang terkesan ke program pasca siswazah usahasama UiTM dan Institut Jantung Negara (IJN), maka akan timbul pula masalah ketidakpatuhan kepada nisbah tenaga pengajar dan pelatih untuk kohort pengajian sedia ada.

"Hal ini, pastinya bukan saja tidak menyelesaikan masalah yang ada, malah menggandakan pula kesan buruknya apabila keseluruhan kohort pengajian tidak lepas piawaian. Natijahnya, keluaran doktor pakar negara yang sedia berhadapan kekurangan kian meruncing," katanya dalam kenyataan.

Dilaporkan sebelum ini, UiTM menjadi satu-satunya universiti menawarkan program parallel



Ahmad Thibri Mashri

pathway dengan kerjasama IJN dalam padang kardiotoraks.

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) sebelum ini meminta UiTM membenarkan kemasukan pegawai perubatan bukan Bumiputera yang ingin mendapatkan latihan khusus bidang kardiotoraks, sama seperti mereka menerima pelajar antara bangsa sekarang.

Namun, Menteri Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr Zamby Abd Kadir, menegaskan tidak ada perbincangan mengenai kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke UiTM pada peringkat kementerian mahupun Kabinet.

Ahmad Thibri berkata, cadanganan UiTM sebagai penyelesaian kemelut parallel pathway datangnya daripada Lembaga Program

'Parallel Pathway' UiTM-IJN, Prof Dr Raja Amin Raja Mokhtar.

"Cadangan itu disokong pula bekas Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Tan Sri Ibrahim Abu Shah, atas dasar kepentingan negara yang kekurangan doktor pakar dalam bidang itu.

"Hal ini membuktikan mulianya jiwa dan besarnya hati pemimpin Melayu dan Bumiputera dalam hadapi kemelut berlaku.

"Malangnya, kemuliaan jiwa dan kebesaran hati ini tidak dihargai segelintir pihak bersifat chauvinis sehingga sanggup gelar UiTM sebagai institusi pendidikan apartheid," katanya.

Katanya, tindakan biadab itu pastinya menguris hati orang Melayu dan Bumiputera di negara ini.

"Sudahlah sikap bertolak ansur yang ditunjukkan sekian lama tidak dihargai, dihinna pula institusi yang memayungi pendidikan bangsanya," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Malaysia negara pertama dapat permit operasi 20 ambulans

Makkah: Lembaga Tabung Haji (TH) menerusi Pusat Rawatan Madinah dan Makkah sekali lagi melakarkan kejayaan apabila berjaya memperoleh permit operasi atau Tasreh untuk 20 ambulans yang dimiliki.

Ketua Rombongan Haji Malaysia 1445H/2024, Datuk Seri Syed Abdul Rahman, berkata perkara itu sekali gus meletakkan Malaysia sebagai negara pertama berjaya mendapat permit itu untuk menjalankan operasi ambulans untuk jemaah haji di Jeddah, Makkah dan Madinah bagi musim haji kali ini.

"Tiga daripada ambulans ini ditempatkan di Pusat Rawatan di Madinah, manakala baki ny disertakan di Pusat Rawatan TH Makkah dan beberapa buah kenderaan lagi ditempatkan khusus di beberapa tempat penginapan



Syed Saleh

jemaah haji," katanya kepada petugas media di Ibu Pejabat TH, di sini kelmarin.

Beliau berkata, paling membanggakan semua permit ambulans milik TH ini dikategorikan dari jenis advanced life support yang mempunyai kemudahan dan kelengkapan sehingga boleh memberi bantuan kepada life support.

Menjelaskan lagi permohonan mendapatkan Tasreh itu, Syed Saleh berkata, usaha itu mengambil masa berikutnya perlu melalui beberapa prosedur antaranya pemerhatian dan pemeriksaan ketat oleh pihak berkuasa Arab Saudi, termasuk Bulan Sabit Merah dan Kementerian Kesihatan Arab Saudi.

"Pemeriksaan yang dilakukan amat ketat kerana ia bukan hanya melihat kepada kenderaan itu sendiri, tetapi kemudahan dan



TH menerusi Pusat Rawatan Madinah dan Makkah mendapat permit jalankan operasi ambulans untuk jemaah haji kali ini.

(Foto BERNAMA)

setiap peralatan yang disediakan dalam ambulans, jadi ada satu senarai panjang untuk dilihat satu persatu untuk kesemua kemudahan dan alatan dalam 20 ambulans ini.

"Alhamdulillah kejayaan memperoleh Tasreh ini menunjukkan tahap ketersediaan TH dan tahap profesional Kementerian Kesihatan (KKM) yang menghantar rombongan perubatan berkemahiran sehingga diiktiraf di tahap yang tinggi," katanya.

Syed Saleh berkata, semua 20 ambulans itu dikendalikan sepenuhnya TH di bawah rombongan perubatan dengan pemandu ambulans juga turut diberikan permit dengan satu unit

pemandu beroperasi di Makkah, manakala satunya lagi di Madinah.

Sementara itu, Syed Saleh memaklumkan setakat 23 Mei jam 5 petang, seramai 29 orang jemaah haji Malaysia dirawat di Hospital Arab Saudi dan Pusat Rawatan TH di Makkah dan Madinah.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, seramai tujuh orang berada di Hospital Arab Saudi, manakala 21 orang berada di Pusat Rawatan TH di Makkah dan seorang di Madinah.

"Kebanyakan mereka dimasukkan ke Pusat Rawatan TH disebabkan pelbagai penyakit, terutama jangkitan kuman paru-paru (pneumonia) dan lain-lain penyakit seperti komplikasi darah tinggi, ken-

cing manis dan penyakit berkaitan haba, namun semua jemaah pesakit ini dalam keadaan stabil," katanya.

Berikut itu, beliau sekali lagi mengingatkan jemaah haji untuk sentiasa menjaga kesihatan, terutama dengan keadaan cuaca panas terik di Makkah dan Madinah dengan suhu sekitar 35 hingga 45 derjah celsius.

"Kepada jemaah semua, saya mohon untuk sentiasa mengambil maklum mengenai pengumuman terkini yang dimuat naik dalam aplikasi THhujjah. Maklumat terkini berkenaan amaran cuaca semasa sentiasa diikemas kini untuk kita bersiapsiaga," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Unit pergigian TH santuni jemaah haji



Lebih 40 jemaah dapat rawatan sejak dibuka seminggu lalu

MAKKAH

Unit Pergigian di Pusat Rawatan Tabung Haji (TH) di Makkah bersedia santuni jemaah haji yang datang mendapatkan rawatan tidak kira siang ataupun malam.

Biarpun hanya mempunyai tiga petugas, namun hal itu tidak pernah mematahkan semangat mereka yang telah menyantuni lebih 40 jemaah sejak klinik tersebut dibuka seminggu lalu.

Pegawai Pergigian, Dr

Umairah Razali diberikan tanggungjawab mengetuai unit itu, dibantu oleh Pembantu Pembedahan Pergigian, Meor Al-Hafiz Abd Halim dan Juruterapi Pergigian, Nur Syuhana Samsudin.

Menurut Dr Umairah, walaupun mempunyai kekangan dari segi bilangan petugas dan peralatan, namun unit tersebut mewarkan hampir kesemua perkhidmatan rawatan pergigian yang ada di tanah air.

"Bagi saya, perkhidmatan di sini lebih kurang sama dengan perkhidmatan di tanah air. Di sini kita utamakan rawatan kecemasan dan berdasarkan janji temu."

"Ini kerana kita perlu menyediakan kenderaan untuk mengambil jemaah dari maktab penginapan sebelum mendapatkan rawatan di sini," katanya kepada petugas media.

Tambah Dr Umairah, unit tersebut akan bertugas setiap masa bermula jam 7 pagi hingga 12 tengah hari, kemudian sambung

semula dari jam 4.30 petang sehingga 6.30 petang dan 8 hingga 10 malam.

"Untuk waktu malam pula kami perlu bersedia dengan panggilan kalau ada kes kecemasan seperti trauma yang memerlukan perkhidmatan kami," katanya yang berkhidmat di Klinik Pergigian Sungai Besar, Selangor.

Jelajah beliau, kebanyakannya jemaah datang ke klinik disebabkan masalah tampilan gigi yang tercabut kerana makan makanan keras seperti kacang dan buah, selain ulser disebabkan kurang minum air serta khidmat cucian gigi.

"Ada juga jemaah semasa datang ke Tanah Suci, gigi sudah goyang dan disebabkan penat berjalan jauh, ia menambahkan lagi sakit pada gigi."

"Ada juga yang demam ketika datang membuat rawatan dan setelah pemeriksaan kesihatan mulut dilakukan, kita dapatti ada gigi rosak. Jadi kita akan bagi rawatan yang diperlukan," katanya.



Unit pergigian TH diketuai oleh Dr Umairah dibantu oleh Meor Al-Hafiz (kanan) dan Nur Syuhana Samsudin (kiri). Gambar kecil: Dr Umairah.

kan," katanya.

Dr Umairah menjelaskan, beliau juga harus bijak menggunakan sumber dan ubatan dibawa dari tanah air untuk merawat jemaah kerana di Arab Saudi agak sukar untuk mendapatkan ubatan sesuai dengan jemaah

haji Malaysia, selain harganya agak mahal.

"Agak sukar nak bawa bahan pergigian dari tanah air dan ada yang terpaksa kita beli di Arab Saudi, contohnya bahan tampaian dan ubat bius untuk cabut gigi," ujarnya.

Malaysia negara pertama peroleh tasreh operasi 20 ambulans

MAKKAH - Lembaga Tabung Haji (TH) menerusi Pusat Rawatan Madinah dan Makkah sekali lagi melakarkan kejayaan apabila berjaya memperoleh permit operasi atau tasreh untuk 20 ambulans yang dimiliki.

Ketua Rombongan Haji Malaysia 1445H/2024, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, ia sekali gus meletakkan Malaysia sebagai negara pertama berjaya mendapat permit tersebut untuk menjalankan operasi ambulans bagi jemaah haji di Jeddah, Makkah dan Madinah untuk musim haji kali ini.

"Tiga daripada ambulans ini ditempatkan di Pusat Rawatan di Madinah, manakala bakinya ditempatkan di Pusat Rawatan TH Makkah dan beberapa kenderaan lagi ditempatkan khusus di beberapa tempat penginapan jemaah haji," katanya kepada petugas media di Ibu Pejabat TH di sini pada Jumaat.

Menurutnya, paling membanggakan kesemuanya permohonan mendapatkan tasreh ambulans milik TH itu dikategorikan daripada jenis *advanced life support* yang mempunyai kemudahan dan kelengkapan sehingga boleh memberi bantuan kepada *life support*.

Menjelaskan lagi permohonan mendapatkan tasreh itu, Syed Saleh berkata, usaha tersebut mengambil masa kerana perlu melalui beberapa prosedur, antaranya pemerhatian dan pemeriksaan ketat oleh pihak berkuasa Arab Saudi termasuk Bulan Sabit Merah serta Kementerian Kesihatan Arab Saudi.

"Pemeriksaan yang dilakukan amat ketat kerana ia bukan hanya melihat ke-

pada kenderaan itu sendiri tetapi kemudahan dan setiap peralatan yang disediakan dalam ambulans, jadi ada satu senarai panjang untuk dilihat satu persatu bagi kesemuanya kemudahan serta alatan dalam 20 ambulans ini."

"Alhamdulillah, kejayaan memperoleh tasreh ini menunjukkan tahap ketersediaan TH dan tahap profesional Kementerian Kesihatan Malaysia yang menghantar rombongan perubatan berkemahiran sehingga diiktiraf pada tahap tinggi," kata Syed Saleh.

Menurutnya, kesemuanya 20 ambulans itu dikendalikan sepenuhnya oleh TH di bawah rombongan perubatan dan pemandu ambulans juga turut diberikan permit dengan satu unit pemandu beroperasi di Makkah, manakala satu lagi di Madinah.

Sementara itu, Syed Saleh berkata, setakat jam 5 petang 23 Mei lalu, seramai 29 jemaah haji Malaysia dirawat di Hospital Arab Saudi dan Pusat Rawatan TH di Makkah serta Madinah.

Tambah beliau, daripada jumlah itu, seramai tujuh jemaah berada di Hospital Arab Saudi, manakala 21 orang berada di Pusat Rawatan TH di Makkah dan seorang di Madinah.

"Kebanyakan mereka dimasukkan ke Pusat Rawatan TH disebabkan pelbagai penyakit terutama jangkitan kuman paruparup (pneumonia) dan lain-lain penyakit seperti komplikasi darah tinggi, kencing manis dan penyakit berkaitan haba, namun kesemuanya jemaah pesakit ini dalam keadaan stabil," katanya. - Bernama

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Operating theatres at heart centre to be up and running in June

KUALA LUMPUR: Three of the four operating theatres at the Serdang Heart Centre (PJS) in Selangor, which had been unused due to electrical issues, will be operational for both elective and emergency surgeries by June.

This was confirmed by Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad through a brief post on X yesterday.

"In the meantime, angiogram services at PJS and emergency treatment for patients will still continue as normal at the facilities at Hospital Sultan Idris Shah (Serdang Hospital)," he said in the

post, Bernama reported.

The Star's frontpage report on May 14 revealed that although it was completed in December 2022, the four operating theatres at the cardiac facility could not be used due to maintenance issues.

This has left 1,000 patients in need of urgent heart surgery on the waiting list for several months.

Hospital Sultan Idris Shah, which houses the centre, still carries out two to three heart surgeries a day at its old building. Even then, only one of its

four older operating theatres is operational.

Sources had told The Star that the four operation theatres at the new heart centre were not functioning due to issues like faulty air-conditioning and electricity supply.

Following the report, the Health Ministry said the project's contractor had promised to fix the centre's defects within one month.

For now, emergency cases have been referred to other facilities such as the National Heart Institute in Kuala Lumpur.

Heart of the centre is not beating

Four operating theatres not operational from day one at Serdang Heart Centre



Flashback: The report that was published in The Star on May 14, 2024.

Keeping your nasi kandar yummy

Authorities enforce food safety and hygiene in 306 registered eateries

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: It used to cost only five cents (sen) a plate in the colonial days, and true to its name, nasi kandar literally meant "rice on shoulders" at the time.

Pioneering Indian-Muslims would skillfully balance pots of the rice and flavourful curries on shoulder poles as they walked around the old city to sell lunches to coolies.

Today, this spice-laden heritage delicacy is sold in 306 registered eateries in Penang alone, with hundreds more nasi kandar shops operating in the rest of the country.

To uphold its status as a food paradise, local authorities are warning operators to pay special attention to the quality of Penang nasi kandar and strictly adhere to national and international food safety regulations and standards.

"Cases of unlicensed outlets do arise, prompting swift action from us," the Penang Island City Council (MBPP) said in a statement.

"Those found operating without licences will be warned and promptly directed to apply for the requisite licences, emphasising



Cleanliness is key: A worker cleaning the food display shelves in a nasi kandar restaurant in Seberang Jaya. — ZHAFAARAN NASIB/The Star

the importance of complying with regulations."

MBPP has over 30 rules and regulations for nasi kandar operators, which also apply to other food sellers, and the compounds for breaking these rules range from RM10 to RM250. It added that of the 306 nasi kandar outlets in Penang, 82 are on the island.

"They are graded every month

for hygiene practices and if the score is under 50%, MBPP is authorised to order the shop to close for 14 days for clean-up works," it said.

MBPP's licensing department said that while these establishments contribute to the vibrant food scene, authorities are vigilant in ensuring their compliance with licensing regulations and

cleanliness standards.

It said only one nasi kandar shop was ordered to close and clean up last year as the majority of nasi kandar outlets maintain satisfactory hygiene standards.

"Operators receive guidance on maintaining cleanliness standards to ensure the health and safety of patrons," it said.

On mainland Penang, Seberang Prai City Council (MBSP) said there are 224 nasi kandar outlets.

In the course of 29 inspections, MBSP issued two compounds and two notices to nasi kandar shops on the mainland.

Notably, the violations did not pertain to hygiene concerns but rather involved infractions such as neglecting the maintenance of grease traps, hiring undocumented foreign workers and exceeding the approved seating arrangements.

"Offenders face compounds from RM500 to RM1,000 under the Local Government Act 1976 and the Food Establishment By-Laws 1991. These penalties serve as deterrence and reinforce the importance of adhering to licensing and hygiene requirements," MBSP said in a statement.

Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma)

president Datuk Jawahar Ali Taib Khan said the secret to nasi kandar is in the complex blend of spices.

"We frequently remind all members to maintain the use of spices even though the cost has risen manifold.

"We use a lot of onions too, although the prices have gone up so much. But we advise our nasi kandar members not to skimp on this to preserve the quality," he said.

He added that Presma, working with the Health Ministry, will hold refresher courses for members on food preparation hygiene, with nearly all nasi kandar outlets now up to mark.

State youth, sports and health committee chairman Daniel Gooi Zi Sen said the ongoing efforts of monitoring and enforcement by the local councils are aimed at educating food operators in the state. He said inspections and food sampling are also emphasised.

"Traders must attend the Health Ministry's food handlers training courses and get typhoid vaccinations," he added.

Gooi said stern action will be taken against errant food traders who disregard cleanliness at their restaurants and stalls.

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

Fully vaccinated travellers at ease in Penang despite new Covid-19 wave

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: As new Covid-19 virus variants create a wave of infections in Singapore, tourists in Penang this weekend have shown no signs of worry.


A check yesterday showed nearly all of the usual weekend holidaymakers in densely populated areas not wearing masks or observing other precautions like physical distancing.

Among the throng of tourists was Mohd Junaidi Amir, a 43-year-old senior manager, accompanied by his wife Hafizah Mahat, 38, and their six children, aged six to 14.

The Star met the family from Pasir Gudang, Johor, while they waiting for their turn to board the funicular train up Penang Hill for the first time.

"I feel that we are pretty much safe here as all of us have been fully vaccinated," he said.

Mohd Junaidi said he and his family do try to practise physical distancing.



Hafizah, a housewife, said that although they do not wear masks, they wash their hands frequently.

"I think we are better protected now as most of us are fully vaccinated. We don't feel the threat is

there," she said, adding that they had taken their kids to the beaches in Batu Ferringhi and Teluk Bahang and tried Penang's assam laksa and nasi kandar.

Another family, who travelled

from Terengganu, said that it is unnecessary for them to wear masks.

Felda settler Ibrahim Awang, 67, said there is no need for masks as everyone is healthy and have

been fully vaccinated.

"This is the only time I can take my children and grandchildren for a holiday," the man from Kemaman said, adding that at other times, he would be at work and his grandchildren at school.

Ibrahim said he and his family stayed at one of their relatives' houses in Bagan Serai, Perak, before coming to Penang for sightseeing.

He said if he or his family members were to fall sick, he would make sure they get treatment from the clinic as soon as possible.

A tourist from Kedah, who only wanted to be known as Chong, said Penang was his family's favourite place to visit every school holiday.

When asked the reason for not wearing a mask, the 50-year-old teacher said he does not feel that the virus is a threat as almost all citizens are fully vaccinated.

He said the virus is already endemic and that vaccinations had provided enough immunity for the population.

Easy breezy:
Holidaymakers taking a stroll along Armenian Street in George Town during the school holidays.
— LIM BENG TATT/The Star